

192

NO. SOALAN : 271

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BERTULIS**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : YB DR. MICHAEL JEYAKUMAR**  
**DEVARAJ (SUNGAI SIPUT)**

**SOALAN**

**YB DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ** minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan kajian yang Kementerian telah jalankan terhadap cara-cara menyimpan tenaga berlebihan yang dijana daripada sumber yang boleh dibaharui untuk dipakai pada waktu malam bila tiada tiupan angin.

## JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Buat masa ini, Kementerian tidak melaksanakan sebarang kajian mengenai teknologi penyimpan tenaga lebihan atau dikenali sebagai *energy storage*. Teknologi ini merupakan teknologi baharu dan kos untuk menggunakannya masih sangat tinggi buat masa ini. Walau bagaimanapun Kementerian akan menimbangkan penggunaan teknologi ini dalam pelaksanaan projek-projek *Large Scale Solar* (LSS) pada masa akan datang.

Sekian, terima kasih

.....